

# Tingkat Asas Pengetahuan Kakitangan IPTA - Bengkel Penyelenggaraan Kerja Elektrik Dan Sivil 2010

Oleh : Mohd Hakam Hassan

Jitra, Kedah, UniMAP mengambil pendekatan yang proaktif dalam meningkatkan pengetahuan kakitangan universiti melalui penganjuran Bengkel Penyelenggaraan Kerja Elektrik dan Civil 2010 pada 9 hingga 11 April 2010 di Darulaman Suite, Jitra, Kedah. Bengkel anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) bersama Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan, Pengurusan Kolej Kediaman dan Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (UKKP) UniMAP yang dipengerusikan oleh Encik Mohd Mustafa Al Bakri bin Abdullah, Timbalan Dekan JHEPA ini turut mendapat kerjasama daripada Institut Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Nasional (NIOSH).

Seramai 84 orang peserta daripada 11 buah IPTA telah menyertai bengkel tersebut dengan penyertaan yang diterima adalah dari UUM, UiTM Kampus Kedah dan Terengganu, UMK, UMT, UM, UTM, UKM, UDM, UNIMAS dan

UTHM.

Melalui bengkel ini para peserta telah diberikan pendedahan berkenaan kerja-kerja penyelenggaraan elektrik dan sivil serta langkah-langkah keselamatan melalui ceramah yang disampaikan oleh Encik Norazlan Nordin penceramah dari NIOSH dan sesi amali yang diadakan di Pusat Kejuruteraan, Kuala Perlis. Di akhir kuliah, pihak NIOSH telah mengadakan peperiksaan khas bagi membolehkan para peserta bengkel untuk memperolehi pasport kerja bagi melakukan kerja-kerja penyelenggaraan elektrik dan civil.

Majlis penutupan bengkel dan penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta telah diadakan pada Ahad, 11 April

dan disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dr. Khairel Rafezi Ahmad, Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan, UniMAP. Turut hadir bersama adalah Kol. (B) Azuddin Bahari, Penyelaras Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (UKKP), Prof. Madya Che Mohd Ruzaidi Ghazali, Penyelaras SMART Pilot Plant UniMAP; penceramah dan wakil dari NIOSH, Encik Norazlan Nordin dan Encik Fahkrul Razi Hassan.

